



DGEK

V.

KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI

MOF.PKCP.700-7/1/1759 - 1762

 PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN

 PUAN FAJRUL SHIHAR BINTI ABU SAMAH

 13 MEI 2026

Pembayar Cukai merupakan pengarah dan pemegang saham dalam beberapa syarikat serta memiliki aset seperti tanah, rumah kediaman dan beberapa kenderaan mewah. Hasil siasatan meja oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (“KPHDN”) melalui ujian kemampuan (*means test*)

mendapati wujud peninggalan pendapatan bagi tempoh Tahun Taksiran (“TT”) 2015, 2016, 2017 dan 2018 berjumlah RM1,721,642.00 yang tidak sepadan dengan pemilikan aset, pendapatan, liabiliti dan keuntungan modal Pembayar Cukai. Susulan itu, KPHDN telah mengeluarkan Notis CP 101A dan Notis CP 102 di bawah seksyen 78, 79 dan 81 Akta Cukai Pendapatan 1967 (“ACP 1967”) untuk mendapatkan maklumat lanjut sebelum membangkitkan taksiran tambahan bertarikh 24.11.2020 berserta penalti 60% di bawah subseksyen 113(2) ACP 1967 menjadikan jumlah cukai kena dibayar RM750,635.94. Pembayar Cukai tidak bersetuju dengan taksiran tersebut dan memfailkan Borang Q pada 21.12.2020, dengan alasan bahawa terdapat pendapatan dividen sebanyak RM4,500,000.00 yang dibayar kepada Pembayar Cukai daripada salah satu syarikat mereka tidak diambil kira dalam ujian kemampuan tersebut. Pembayar Cukai juga telah mengemukakan dokumen sokongan termasuk akaun beraudit dan resolusi syarikat. Rayuan tersebut kemudiannya didaftarkan di hadapan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (“PKCP”) pada 22.12.2021.

Pembayar Cukai berhujah bahawa KPHDN gagal mengambil kira pendapatan dividen sebanyak RM4,500,000.00 yang diterima oleh Pembayar Cukai. Bagi menyokong tuntutan tersebut, Pembayar Cukai telah mengemukakan baucar dividen bertarikh 23.03.2015 dan *journal entry* daripada syarikat yang membayar dividen sebagai bukti penerimaan dividen dan menegaskan bahawa sekiranya pendapatan tersebut diambil kira, maka tiada peninggalan pendapatan seperti yang didakwa oleh KPHDN.

KPHDN menghujahkan bahawa Pembayar Cukai gagal mengemukakan bukti kukuh bagi menyokong dakwaan penerimaan pendapatan dividen sebanyak RM4,500,000.00 benar-benar diterima olehnya (*accrued and received*) dan isu tersebut hanya dibangkitkan selepas Notis Taksiran Tambahan dikeluarkan melalui Borang Q bertarikh 21.12.2020. KPHDN turut menyatakan bahawa semakan terhadap kedudukan kewangan menunjukkan syarikat milik Pembayar Cukai tidak mempunyai keupayaan untuk membuat pembayaran dividen tersebut. Oleh itu, berdasarkan ujian kemampuan yang dijalankan, KPHDN mendapati wujud ketidakpadanan antara pendapatan yang dilaporkan dengan pemilikan aset dan perbelanjaan Pembayar Cukai, sekaligus menunjukkan terdapat peninggalan pendapatan bagi TT 2015 hingga 2018. Justeru, KPHDN berpendapat bahawa penggunaan kaedah ujian kemampuan (*means test*) melalui Notis CP 101A dan Notis CP 102 di bawah seksyen 78, 79 dan 81 ACP 1967 adalah wajar, dan taksiran tambahan telah dibangkitkan secara sah menggunakan taksiran terbaik di bawah subseksyen 91(1) ACP 1967.

PKCP memutuskan bahawa Pembayar Cukai telah gagal membuktikan rayuan mereka di bawah Perenggan 13 Jadual 5 ACP 1967 dan KPHDN mempunyai asas undang-undang dan fakta untuk membangkitkan taksiran tambahan dan mengenakan penalti terhadap Pembayar Cukai di bawah subseksyen 113(2) ACP 1967. Rayuan Pembayar Cukai ditolak dan Notis Taksiran Tambahan bagi TT 2015, 2016, 2017 dan 2018 berserta penalti adalah dikekalkan.

Nota Editor:

- *Pembayar Cukai berhak untuk memfailkan rayuan terhadap keputusan PKCP dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan diberikan.*